

RAQIB DAN ATID PENCATAT AMAL

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ
كُلِّهِ وَلَوْ كَرِهَ الْمُشْرِكُونَ،

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا
عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Marilah kita berusaha meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa Taala dengan melaksanakan segala suruhan dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita beroleh keampunan di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Mimbar pada hari ini mengajak sidang Jumaat sekalian untuk meningkatkan kefahaman berkaitan salah satu peranan malaikat yang diutuskan oleh Allah Subhanahu wa Taala, iaitu untuk mengawas dan mencatat setiap perbuatan manusia dalam ‘kitab catatan amalan’.

Kitab catatan amalan adalah suatu perkara yang wajib diyakini dan ia merupakan sebahagian daripada keimanan kita kepada malaikat dan hari akhirat. Pada hari akhirat kelak, kitab catatan amal bagi setiap hamba Allah akan dibuka. Pada hari itu terbongkarlah segala perbuatan amal baik dan amal buruk yang dilakukan oleh seseorang sepanjang hayatnya di dunia. Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam Surah al-Qamar ayat 52 dan 53:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَكُلُّ شَيْءٍ فَعَلُوهُ فِي الزُّبُرِ ﴿٥٢﴾ وَكُلُّ صَغِيرٍ وَكَبِيرٍ مُسْتَطَرٌّ ﴿٥٣﴾

Yang bermaksud: *Dan segala sesuatu yang telah mereka lakukan tercatat dalam buku-buku catatan. Dan segala (urusan) yang kecil mahu pun yang besar adalah tertulis.*

Bagi mereka yang beriman dan berat timbangan amal baiknya, maka dia akan menerima kitabnya pada hari akhirat dari sebelah kanan serta proses hisabnya dipermudahkan. Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam Surah al-Insyiqaq ayat 7 hingga 9:

فَأَمَّا مَنْ أُوْتِيَ كِتَابَهُ بِيَمِينِهِ ﴿٧﴾ فَسَوْفَ يُحَاسَبُ حِسَابًا يَسِيرًا ﴿٨﴾ وَنَقَلِبُ إِلَىٰ أَهْلِهِ مَسْرُورًا ﴿٩﴾

Yang bermaksud: *Adapun orang yang diberikan kitabnya dari sebelah kanannya, maka dia akan diperiksa dengan pemeriksaan yang mudah. Dan dia akan kembali kepada kaumnya (yang sama-sama beriman) dengan gembira.*

Bagi mereka yang banyak melakukan maksiat dan kejahatan di dunia, maka dia akan menerima kitab amalannya dari sebelah kiri atau belakangnya. Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam Surah al-Haqqah ayat 25:

﴿٢٥﴾ وَأَمَّا مَنْ أُوتِيَ كِتَابَهُ بِشِمَالِهِ فَيَقُولُ يَلْبِئْسَ لِي لِمَ أُوتِيَ كِتَابِيهِ

Yang bermaksud: *Adapun orang yang diberikan kitabnya dari sebelah kirinya, maka dia berkata: “Alangkah baiknya kiranya tidak diberikan kepadaku kitabku (ini).”*

Firman Allah Subhanahu wa Taala lagi dalam Surah al-Insyiqaq ayat 10 dan 11:

﴿١٠﴾ وَأَمَّا مَنْ أُوتِيَ كِتَابَهُ وَرَاءَ ظَهْرِهِ ﴿١١﴾ فَسَوْفَ يَدْعُوا ثُبُورًا

Yang bermaksud: *Adapun orang yang diberikan kitabnya dari belakang. Maka dia akan berteriak: “Celakalah aku!”*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Menurut Tafsir Ibnu Kathir, setiap hamba Allah Subhanahu wa Taala didampingi oleh empat malaikat pada waktu siang dan malam. Dua malaikat bertugas menjaga setiap hamba Allah iaitu, satu berada di depan dan satu berada di belakangnya. Dua malaikat lagi berada di kiri dan kanan yang bertugas mencatat setiap amal baik atau amal buruk seseorang. Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam Surah Qaf ayat 17 dan 18:

إِذْ يَنْفَقُ الْمَلَائِكَةُ عَنِ الْيَمِينِ وَعَنِ الشِّمَالِ قَعِيدٌ ﴿١٧﴾ مَا يَلْفِظُ مِنْ قَوْلٍ إِلَّا لَدَيْهِ رَقِيبٌ عَتِيدٌ ﴿١٨﴾

Yang bermaksud: *Ketika dua malaikat mencatat amal perbuatannya, satu duduk di kanan dan yang lain duduk di sebelah kiri. Tiada suatu ucapan pun yang diucapkannya melainkan ada di sisinya malaikat pengawas yang selalu hadir.*

Malaikat yang bertugas mencatat amal seseorang disebut dalam al-Quran sebagai ‘*kiraman katibin*’. Kebanyakan kita lebih mengenalinya sebagai Raqib dan Atid. Raqib dan Atid sebenarnya adalah sifat bagi malaikat pencatat. ‘Raqib’ bererti yang sentiasa mengawasi siang malam dan tidak pernah berpisah dengan manusia. Manakala, ‘Atid’ bererti yang sentiasa hadir, tidak mungkin mewakilkan tugas kepada yang lain. Tidak ada satu detik pun yang ia terlepas daripada mencatat amalan manusia.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Banyak dosa dan maksiat dilakukan disebabkan kita lupa atau tidak mengambil berat bahawa malaikat sentiasa mencatat amalan kita. Oleh itu, tingkatkan keimanan dan beringatlah bahawa malaikat tidak pernah lalai dalam tugasnya. Tidak sepatutnya seseorang yang beriman melengahkan atau meninggalkan solat jika ia tahu malaikat sedang mengawasinya. Jika kita sedar bahawa malaikat sedang memantau kita, semestinya kita tidak melakukan sebarang maksiat sama ada secara terang-terangan atau secara sembunyi-sembunyi.

Sekiranya kita melakukan sesuatu dosa, maka bersegeralah beristighfar dan bertaubat kerana Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Tabrani:

إِنَّ صَاحِبَ الشِّمَالِ لَيَرْفَعُ الْقَلَمَ سِتِّ سَاعَاتٍ عَنِ الْعَبْدِ الْمُسْلِمِ الْمُخْطِئِ أَوْ
الْمُسِيءِ، فَإِنْ نَدِمَ وَاسْتَعْفَرَ اللَّهَ مِنْهَا أَلْقَاهَا، وَإِلَّا كُتِبَتْ وَاحِدَةً

Yang bermaksud: *Sesungguhnya malaikat yang berada di sebelah kiri akan mengangkat penanya selama enam jam daripada mencatat amal seorang hamba muslim yang berbuat dosa. Jika dia menyesal dan memohon ampun kepada Allah atas dosa itu, maka malaikat itu tidak akan mencatatnya. Jika tidak (bertaubat), maka akan dicatat sebagai satu dosa.*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Mimbar berpesan agar kita bersama-sama menyedari bahawa malaikat sentiasa ada di sisi mencatat segala perbuatan kita. Mahukah kita tergolong dalam kalangan orang yang menyesal pada hari akhirat oleh sebab lembaran kitab catatan amalan kita dipenuhi dengan perbuatan-perbuatan keji dan dosa? Sesungguhnya kekesalan itu sudah terlambat. Tidak mungkin kita dapat kembali ke dunia semula untuk bertaubat dan beramal soleh. Oleh itu, sementara hayat masih ada, marilah kita bertaubat nasuha dan berusaha meningkatkan amal soleh, agar kitab catatan amalan kita dipenuhi dengan catatan pahala dan kebajikan.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

فَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ ﴿٧﴾ وَمَنْ يَعْمَلْ

مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ ﴿٨﴾

Yang bermaksud: *Sesiapa yang mengerjakan kebaikan seberat zarah pun, nescaya Dia akan melihatnya. Dan sesiapa yang mengerjakan kejahatan sebesar zarah pun, nescaya Dia akan melihatnya.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ

وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ

قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،

وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.